THE WHITE HOUSE

Pejabat Setiausaha Akhbar

Untuk Keluaran Segera Ogos 21, 2009

KENYATAAN OLEH PRESIDEN
MESEJ BULAN RAMADAN

Bagi pihak rakyat Amerika – termasuk umat Islam dari lima puluh buah negeri ini – Saya ingin mengucapkan salam pada umat Islam di Amerika dan di seluruh dunia. *Ramadan Karim*.

Ramadan adalah bulan di mana umat Islam percaya kitab suci Al Quran diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW, bermula dengan satu perkataan yang begitu mudah – *iqra*. Ini adalah masanya umat Islam mengimbas kembali kepada kebijaksanaan dan pengajaran yang datang dengan keimanan, dan tanggungjawab seorang insan kepada insan yang lain, dan kepada Tuhan yang maha esa.

Seperti masyarakat-masyarakat lain dari pelbagai kepercayan yang menyaksikan sambutan bulan Ramadan melalui masyarakat dan keluarga kita, saya tahu ini waktu yang meriah – di mana keluarga berkumpul dan hidangan dinikmati bersama. Tetapi saya juga tahu bahawa bulan Ramadan juga adalah waktu untuk beramal dan bertafakkur – waktu di mana umat Islam berpuasa dari pagi ke petang dan sembahyang *tarawih* pada waktu malam, mengaji dan menghayati bacaan Al Quran pada bulan suci ini.

Amalan ini memperingatkan kita kepada prinsip yang kita pegangi bersama, dan peranan Islam di dalam memperjuangkan keadilan, kemajuan, toleransi, dan kemuliaan manusia sejagat.

Berpuasa adalah amalan berbagai kepercayaan – termasuk agama Kristian yang saya anuti – yang membawa umat lebih dekat kepada Tuhan, dan bagi mereka yang tidak berkemampuan. Dan sokongan yang umat Islam berikan kepada umat lain mencetuskan semangat kita untuk melanjutkan peluang dan kemakmuran kepada manusia sejagat. Kita semua mesti ingat bahawa dunia yang ingin kita bina – dan perubahan yang kita mahu ambil – mesti bermula dengan hati kita, dan komuniti kita.

Musim panas ini, rakyat di seluruh Amerika telah berkhidmat untuk komuniti mereka – memberi pendidikan kepada kanak-kanak, menjaga orang-orang sakit, memberi pertolongan kepada mereka yang berada di dalam kesusahan. Pertubuhan-pertubuhan berunsur agama, termasuk banyak pertubuhan Islam, telah mara ke hadapan untuk berkhidmat pada musim panas ini. Dan di dalam waktu yang mencabar ini, inilah semangat bertanggungjawab yang kita mesti teruskan di masa terdekat dan di masa depan.

Di luar sempadan Amerika, kami juga komited bertanggungjawab untuk membina dunia yang lebih aman dan selamat. Oleh sebab itulah kami sedang mengakhiri perang di Iraq secara bertanggungjawab. Sebab itulah kami mengasingkan puak pelampau yang ganas sambil memberi

kuasa kepada rakyat biasa di Afghanistan dan di Pakistan. Oleh sebab itulah kami menyokong kuat dan secara aktif penyelesaian dua-negara yang mengiktirafkan hak rakyat Israel dan Palestin untuk hidup di dalam keamanan dan keselamatan. Dan sebab itulah Amerika akan sentiasa memperjuangkan hak manusia sejagat untuk bersuara, menganut agama mereka, memberi sumbangan kepada masyarakat dan yakin terhadap kedaulatan undang-undang.

Semua usaha-usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen Amerika untuk merapatkan hubungan dengan umat Islam dan negara-negara bermajoriti umat Islam berdasarkan kepentingan bersama dan perasaan saling hormat-menghormati. Pada masa pembaharuan ini, saya ingin mengulangi komitmen saya untuk permulaan baru bagi Amerika dan umat Islam seluruh dunia.

Seperti yang telah saya nyatakan di Kaherah, permulaan baru ini mesti lahir daripada usaha berterusan untuk saling mendengar, saling mempelajari, saling menghormati, dan untuk mencari kepentingan bersama. Saya tetap percaya bahawa usaha yang penting ini memerlukan kita mendengar, dan di dalam masa dua bulan terakhir ini, kedutaan-kedutaan Amerika di seluruh dunia telah menghulurkan tangan bukan sahaja kepada kerajaan, tetapi terus kepada rakyat di negara-negara majoriti Islam, dan dari seluruh dunia, kami telah dihujani dengan maklum balas tentang bagaimana Amerika boleh menjadi rakan kongsi bagi pihak aspirasi rakyat.

Kami telah mendengar. Dan seperti anda, kami memberi fokus kepada tindakan konkrit yang akan membawa perubahan – dari segi isu-isu politik dan keselamatan seperti yang saya telah bincangkan, dan berasaskan apa yang anda telah syorkan boleh membawa perubahan bermakna di dalam kehidupan rakyat.

Rundingan-rundingan sebegini membantu kami melaksanakan kerjasama yang saya sarankan di Kaherah – memperkembangkan program pertukaran pendidikan; memupuk keusahawanan dan menambah pekerjaan; memperkukuhkan kerjasama di dalam bidang sains dan teknologi, sambil menyokong kenal huruf dan pendidikan vokesyenal. Kami juga bekerjasama dengan OIC dan negara-negara OIC untuk membasmi polio, sambil bekerjasama dengan komuniti antarabangsa untuk menangani cabaran-cabaran seperti H1N1 – yang saya sedar merunsingkan ramai umat Islam yang sedang bersedia untuk menunaikan fardu Haji.

Semua usaha-usaha ini bertujuan untuk memajukan aspirasi bersama kita – untuk hidup di dalam keamanan dan keselamatan; untuk mendapat pendidikan dan pekerjaan bermaruah; untuk mengasihi keluarga kita, komuniti kita, dan agama kita. Ini semua akan mengambil masa dan usaha yang sabar. Kita tidak boleh membuat perubahan sekelip mata, tetapi kita boleh berazam untuk melakukan apa yang kita mesti buat, sambil mengambil arah baru – kearah destinasi yang kita ambil untuk diri kita dan anak-anak kita. Itulah perjalanan yang kita mesti ambil bersama.

Saya ingin melihat dailog yang begitu penting ini bertukar menjadi tindakan. Dan pada hari ini, saya ingin mengucapkan kepada semua umat Islam di serata Amerika Syarikat dan di seluruh dunia Selamat Berpuasa sambil anda menyambut ketibaan bulan Ramadan yang suci ini. Semoga Tuhan melimpahi kesejahteraan ke atas anda semua.